



# Aku & Buku

**Editors:**  
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



# Aku & Buku




**Editor:**

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

**Penerbit:**

*UiTM Cawangan Kedah*

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

# Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

**eISBN:** 978-967-2948-81-0

**Diterbitkan oleh:**

Universiti Teknologi MARA  
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

**Editor:**

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



# Kandungan

## Tajuk

## Muka Surat

### Kata Pengantar

### Kata Aluan

### Pendahuluan

1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditandang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



# Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.

Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

Selamat membaca.

Ketua Editor,  
**Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali**  
**Noor 'Izzati Ahmad Shafiai**





# Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

## **Unit Penerbitan**

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai  
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah  
Nurfarisya Hafiz  
Berlian Nur Morat  
Nor Asni Syahriza Abu Hassan  
Syakirah Mohammed  
Hajjah Sharina Saad  
Mas Aida Abd Rahim  
Syazliyati Ibrahim  
Abdul Majeed Ahmad

## **Penyunting**

Berlian Nur Morat

## **Pereka Layout & Grafik**

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



# Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



## TAMAR JALIS: *Stephen King Malaya*

**Mahathir Ahamad @ Day'z A'Koso**

Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Shah Alam

“Mana ada hantu dalam dunia ni?”

Nah! Satu kenyataan yang menghantui ruang lingkup otak aku selama ini. Tak kisahlah, serebelum ke, serebrum ke, medula oblongata ke, mahupun patella aku. Namun, setiap manusia yang masih bernyawa mungkin tertanya-tanya tentang kewujudan 'makhluk' ini. Setakat yang kita tonton di layar perak, sosok lembaga ini dijemakan agar dapat menangkap rasa gerun dan mencungkil emosi penonton. Namun, aku masih lagi sangsi, sama ada mereka-mereka ini membawakan wajah si hantu berdasarkan pemerhatian sendiri, atau sekadar bermain dengan imaginasi serta nafsu sendiri. Masakan sama apa yang dilihat di depan mata dengan apa yang dilihat dalam kepala minda.

Sekitar pertengahan hingga penghujung tahun 80-an, masyarakat umum dihidangkan dengan pelbagai jenis kandungan yang rata-ratanya mengangkat martabat 'hantu' ini sebagai satu subjek yang popular. Dari media cetak hingga ke kaca TV dan layar perak, tidak cukup dengan hantu raya tanah Malaya, dibawanya pula kisah 'Gondorowo' dan 'Sundel Bolong' dari seberang, mengiakan kepercayaan sejagat mengenai dunia mistik yang dikuasai 'hantu' ini. Apakan daya, selera kita secara global dahagakan kisah-kisah mistik yang dianggap sebagai medium untuk moral dan pengajaran, walhal berselindung di sebalik pegangan nenek moyang serta dakwa-dakwi khurafat sebelum pedagang Arab singgah di Pelabuhan Melaka.

Sekejap! Bukan isu khurafat, mahupun kandungan 'pecah panggung' yang ingin aku ceritakan di sini. Kisahnya di sini, pembentukan persepsi awal aku mengenai makhluk bernama 'HANTU' berdasarkan bacaan semasa aku kecil dahulu.

Aku ingin kongsi pengalaman ini, mana tahu, mungkin ada yang sependapat dengan aku, ataupun, tak kisahlah kalau ada yang tidak bersetuju, tetapi risalah yang ingin aku kongsi ini merupakan satu ilham dan pemahaman baharu yang dapat aku kupaskan dengan rasa logik dan mantiknya lebih jelas. Tak semua orang dapat merasakan pemahaman ini, dan sekiranya pengalaman ini dibaca sekadar untuk mengisi masa lapang, maka jadilah ia sekadar cebisan surat khabar lama membungkus nasi lemak seringggit. Kiranya anda membaca nukilan ini beserta dengan imbasan pengalaman, pemahaman sejagat, dan rasa memori yang selari, maka jadilah ia sebuah penulisan kenangan yang akan tersemat rapi di sudut belakang medulla oblongata anda.

Ceritanya, aku masih ingat ketika aku masih mencari-cari diri sebenar, yang masih keliru sama ada ingin menjadi kanak-kanak sampai bila-bila, ataupun ingin menjadi orang dewasa yang ingin ke sana ke mari dengan kereta "Lamborghini Contact", diusung oleh pemandu. Atau, aku lebih selesa mengejar cita-cita tahayulku, menjadi "Space Cop Gaban" dan menyelamatkan bumi bersama si burung 'Mimi' menentang raksasa "Gorgon". Ah, itu semua pengaruh media yang mencuri masaku ketika pulang petang dari kelas fardhu Ain. Selebihnya, masaku sudah tentu bersama rehal dan Al-Quran, buku-buku sekolah, kerja-kerja sekolah, bola sepak dan padangnya, dan TAMAR JALIS!

TAMAR JALIS? Siapa TAMAR JALIS? Kalau ditanya emak, pastinya dijawab; “Ala, yang kau makan sebelum buka puasa tu, itulah tamar...”. Kadang-kadang, aku ketawa kecil teringat jawapan yang emak berikan sebelum aku hulurkan senaskah jilid kedua dari Tamar Jalis: SIRI BERCAKAP DENGAN JIN. Emak yang memang sangat konvensional dan tradisional pasti akan merasa geli, bercampur gerun dan jelik melihat muka depan buku tersebut. Yelah, orang tua yang hidupnya selama ini menghabiskan masa bekerja di kebun dan menoreh getah di kampung semasa mudanya, pasti terkesan dan menyimpan sedikit sebanyak memori yang mungkin “menghantuinya”, secara metafora, mahupun literal.

Sehingga ke hari ini, aku masih musykil siapa sebenarnya yang berani menyeludup naskah Tamar Jalis ini ke rumahku. Pasti bukan almarhum bapakku, yang terang-terang tidak pernah menunjukkan sifat kerdil dan gerunnya terhadap perkara mistik, apatah lagi hantu-hantu ini. Yelah, guru silatlah katakan. Bukan tidak ada langsung bahan bacaan lain di dalam rumah, selain daripada majalah Gila-Gila, Mastika, Variasari, dan juga URTV. Tetapi, yang menjadi perhatian aku adalah si “Tamar Jalis” ini. Kenapa? Mari aku ceritakan.

Tahun 1981, sama dengan tahun kelahiranku, maka terbitlah satu kolum di dalam majalah Variasari, sebuah penulisan hasil perkongsian pengalaman Ahmad Mahmud, “Tamar Jalis” yang pertama. Dalam masa sepuluh tahun, penulisan ini dikumpulkan di dalam sebuah buku khas yang diberi judul “Siri BERCAKAP DENGAN JIN”. Kemudian, siri ini diteruskan oleh seorang lagi “Tamar Jalis” iaitu A. Jalil Miran, sehinggalah pada tahun 2005. Nak dijadikan cerita, semasa aku membesar, sempat juga aku membaca buku ini dari jilid 1 hinggalah jilid 10. Boleh dikatakan, aku hampir keliru sama ada ingin meletakkan buku ini dalam kategori fiksi atau bukan fiksi. Penceritaannya sangat jelas, logiknya diterima akal, hantunya betul sekali, demografinya begitu jitu dan asli, namun satu perkara yang sangat aku hargai adalah bagaimana ia membentuk pemikiranku yang kritis terhadap suatu kepercayaan, mitos, mahupun legenda yang kadang-kadang dibelakangi oleh ritual tahayul dan karut marut, mengatasi kebenaran serta lumrah kejadian alam yang berasbab dari kasih sayang serta rahmat tuhan.

Tidak hanya bermodalkan kisah tepu berkaitan Kak Ponti, Hantu Raya, Hantu Galah, dan Toyol, Tamar Jalis bijak menyusun kisah-kisah “benarnya” yang diperoleh ketika menetap bersama atuknya di kampung. Jalan ceritanya digarap dengan penuh teliti dan berhati-hati agar setiap perincian kisahnya dapat dinikmati dan meresap ke dalam mimpi bagi sesiapa yang menjadikan buku ini bahan bacaan ‘ilmiah’ sebelum tidur. Termasuklah aku, sehingga aku merasakan seolah-olah ada puteri bunian yang datang menyapa aku dalam mimpi selepas tertidur membacakan kisah daripada Jilid 1: Kisah 3 – Tidur di Rumah Bunian. Tak kurang juga dengan beberapa kisah yang menjadikan aku seolah-olah seorang pawang atau bomoh, hasil daripada bacaan Jilid 3: Kisah 57 – Sumpah Selendang Merah, yang mana diselitkan beberapa amalan serta panduan dalam menjaga keselamatan diri daripada musuh yang nampak mahupun tersembunyi. Dan bermacam-macam lagi kisah yang dipaparkan. Memang menarik dan menolak nafas kita membacanya. Sesekali, bulu roma kita turun naik menghayati cerita yang disampaikan, lebih-lebih lagi membacanya pada waktu malam, berseorangan.

Buku “Siri Bercakap dengan Jin” adalah satu naskah ‘masterpiece’ buat diriku yang sebenarnya penakut, tetapi gemar akan kisah misteri dan seram. Bukan takut hantu, tetapi takut terkejut terserempak dengan hantu. Ya, itulah terma sebenar-benarnya penakut dalam kamus hidup aku. Ya, itulah istilah sebenar-benarnya penakut dalam kamus hidup aku.

Ketika kecil, aku sering berfikir bahawa semua orang akan mati bila bertembung dengan hantu kerana gigi taring mereka, kuku panjang mereka, sifat buas mereka yang sentiasa dahagakan darah dan pulut kuning, tubuh berbulu mereka yang besar dan tak pernah bercukur, serta takut diculik dan disorok oleh hantu kopek selama-lamanya, sehingga tidak dapat pulang ke rumah dan menonton rancangan Space Cop Gaban kegemaranku setiap petang Khamis.

Namun, di dalam buku ini, terdapat segala-galanya jawapan untuk insan penakut seperti aku. Ditegahnya aku supaya tidak takut dengan makhluk yang paling hina di alam ini, yang ditampilkan dalam keadaan seburuk-buruk kejadian agar kita beringat serta akur dengan kekuasaan Tuhan. Satu peringatan bagi semua insan bahawa keesaan Tuhan itu adalah mutlak dan tiada yang sekutu dengan-Nya. Bermohonlah kepada-Nya dan jangan sesekali kita syirik serta berpaling daripada Tuhan. Segala rezeki, ajal, maut, dosa, dan pahala semuanya datang daripada Yang Maha Kuasa. Sebenar-benar kuasa. Yang Mematikan dan Yang Menghidupkan. "Tamar Jalis" juga mengajar kita bahawa setiap yang dijadikan Tuhan itu tiada yang sia-sia, termasuklah hantu ini. Kebolehan atuk beliau untuk berdamping dan berdialog dengan makhluk halus atau jin ini adalah satu tanda kekuasaan bagi yang Maha Berkehendak. Kun Faya Kun. Janganlah dilihat dari segi kesaktian ataupun karamah yang diperoleh, tetapi cubalah kita melihat dari sudut pengisian serta topik yang dibualkan. Inilah yang aku maksudkan dengan pemikiran kritis. Rata-rata manusia lebih fokus kepada bagaimana untuk menjadi seperti atuknya, Tamar Jalis, yang tinggi ilmunya sehingga mampu menundukkan makhluk lain. Namun, kita tidak melihat apakah amalan serta nasihat yang dipraktikkan oleh beliau.


Selain itu, apa yang dapat aku rangkumkan daripada penulisan ini adalah ia merupakan salah satu rujukan serta platform pertamaku dalam meningkatkan kemahiran penceritaan (storytelling) yang sehingga kini aku gunakan dalam kelas dan ceramah-ceramah berkaitan penerbitan kandungan kreatif. Siapa sangka, naskah yang dahulunya dilihat sebagai pelengkap masa lapang sebenarnya memberi impak yang besar kepada seseorang. Nilai tambahnya kepada masyarakat juga sangat besar; sebagai wadah pendidikan dan kesedaran yang membawa masyarakat keluar dari kepompong pemikiran jumud dan tahayul, tetapi pada masa yang sama, merujuk kepercayaan ini sebagai asas penyelesaian masalah yang menyekat kemodenan hidup.

Kembali kepada isu kepercayaan, adakah hantu ini wujud? Ia mungkin ada kena-mengena dengan konsep "placebo" dan "nocebo". Jika kau percaya dan mengatakan bahawa ia wujud serta menginginkan ia wujud, maka hantulah yang kau lihat di balik pohon-pohon gelap pada waktu maghrib. Namun, sekiranya kau merasakan bahawa kegerunan yang terhasil daripada timbunan pohon-pohon pada waktu remang maghrib itu adalah daripada ketakutan kau terhadap kegelapan, maka hantu itu adalah kegelapan yang menakutkan kau.

Kalau kau tanya aku, adakah aku percaya atau tidak? Kalau kau tanya aku, adakah aku percaya atau tidak? Dalam rukun iman yang keempat, telah dinyatakan bahawa kita harus percaya dan yakin dengan keberadaan Nabi dan Rasul. Jika kita percaya serta beriman dengan kerasulan, maka kita juga percaya bahawa Nabi Sulaiman telah diberikan mukjizat daripada Allah S.W.T agar mampu berkata-kata dan berkomunikasi dengan segala jenis makhluk, termasuk raja segala Jin. Jadi, nikmat apa lagi yang hendak kau dustakan?


Terima kasih, Tamar Jalis.

Penanggung Rahsia,  
*Day'z A'Koso, 1 Julai 2024*



*Aku & Buku*

2025



e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

